



Alam Maritim In The News

Media: Utusan Malaysia

Tarikh: Selasa 23 Jun, 2008

Alam Maritim untung RM68.8j

KUALA LUMPUR 22 Jun - Penyedia perkhidmatan marin, Alam Maritim Resources Bhd. (Alam Maritim), mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM68.8 juta dalam 2007 sambil mencatatkan perolehan RM249.9 juta, kata Pengerusinya, Datuk Ahmad Sufian Abdul Rashid di sini hari ini.

Ini merupakan peningkatan masing-masing 13.2 peratus dan 65.3 peratus dari tahun sebelumnya. Perolehan sesaham Alam Maritim dicatatkan 23.7 sen, manakala aset bersih sesaham dicatatkan 60 sen.

"Perlu disebut bahawa angka-angka ini sepatutnya lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya jika kami tidak terjejas oleh pecahan saham dan terbitan bonus," kata Ahmad Sufian kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini.

Bagi tahun berakhir 2007, Alam Maritim membayar dividen lebih RM1.8 juta, yang diterjemah kepada pembayaran kira-kira 1.5 sen sesaham biasa.

"Sehubungan dengan pengembangan perniagaan, kami memperolehi tahun lalu 60 peratus daripada syarikat perpangkalan di Singapura, Eastar Offshore Pte. Ltd.

Sokongan utama Eastar ialah perkhidmatan dalam reka bentuk, kejuruteraan, teknikal dan pengurusan projek berkaitan dengan kelengkapan dasar laut," kata Ahmad Sufian.

- Bernama